

Bertarikh pada haribulan 20

Antara



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD (671380-H)

Dan

[NAMA PIHAK]

**JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI
OLEH INDIVIDU**

JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI INI dibuat pada hari dan tahun yang dibentangkan dalam Perkara 1 di dalam Jadual di sini antara:

- (1) Pihak/Pihak-pihak yang nama, deskripsi dan/atau alamatnya dinyatakan dalam Perkara 2 di dalam Jadual di sini (selepas ini dirujuk sebagai "**Penjamin**", yang mana ungkapan sedemikian, jika sesuai dengan konteksnya, hendaklah termasuk harta pusaka, waris, wakil diri dan/atau pengganti hakmilik dan penerima serah hak beliau/mereka, mengikut keadaan) dan rujukan kepada "seorang Penjamin" hendaklah bermaksud rujukan kepada mana-mana seorang Penjamin di satu pihak;

DAN

- (2) CIMB ISLAMIC BANK BERHAD (No. Syarikat 671380-H) sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 13, Menara CIMB, Jalan Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur dan mempunyai tempat perniagaan di alamat yang dinyatakan dalam Perkara 3 di dalam Jadual di sini (selepas ini dirujuk sebagai "**Bank**" yang mana ungkapannya hendaklah termasuk pengganti hakmiliknya) di pihak satu lagi.

Sebutan Permulaan

- (A) Atas permintaan Penjamin, Bank telah bersetuju menyediakan kemudahan pembiayaan harta-i di bawah konsep Shariah iaitu Komoditi Murabahah untuk jumlah penuh yang dinyatakan dalam Perkara 4 di dalam Jadual (selepas ini dipanggil "**Kemudahan**") kepada pihak yang dinyatakan dalam Perkara 5 di dalam Jadual (selepas ini dipanggil "**Pelanggan**") berdasarkan terma-terma dan/atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Surat Tawaran bertarikh pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam Perkara 6 di dalam Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Perjanjian Kemudahan Murabahah**").
- (B) Sebagai cagaran bagi pelaksanaan wajar terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan di bawah Perjanjian Kemudahan Murabahah oleh Pelanggan, Penjamin telah bersetuju secara bersama dan berasingan untuk memberikan Jaminan dan Tanggung Rugi ini kepada Bank.

Kini dengan ini dipersetujui seperti berikut:

1 TAKRIFAN DAN PENTAFSIRAN

1.1 Takrifan

- (a) Tertakluk kepada Klausula 1.1(b) di bawah, ungkapan yang digunakan dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, kecuali bercanggah dengan konteksnya, hendaklah membawa maksud yang sama seperti yang ditakrifkan di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah.
- (b) Di samping Klausula 1.1(a) di atas, dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, setiap satu ungkapan berikut, kecuali konteks menghendaki sebaliknya, membawa maksud yang ditunjukkan di sebelahnya:

Pelanggan bermaksud orang atau orang-orang yang dinyatakan di dalam Perkara 5 dalam Jadual;

Kejadian Ingkar bermaksud mana-mana kejadian yang dibentangkan di dalam Klausula 11 Perjanjian Kemudahan Murabahah;

Jumlah Dicagar bermaksud agregat pembayaran yang kena dan perlu dibayar oleh Penggadai kepada Bank selaras dengan Dokumen Transaksi dan mana-mana daripada berikut:

(i) pembayaran yang kena dan perlu dibayar oleh Penggadai kepada Bank apabila berlaku Kejadian Ingkar; atau

(ii) pembayaran yang kena dan perlu dibayar oleh Penggadai kepada Bank apabila Kemudahan diselesaikan dengan awal atau apabila Tempoh luput, mengikut keadaan;

dan semua atau sebarang wang, obligasi dan liabiliti pun juga sama ada untuk prinsipal, keuntungan, komisyen, perbelanjaan, ta'widh (pampasan) atau sebaliknya yang mungkin kini atau pada bila-bila masa di masa hadapan menjadi kena dibayar, terhutang atau ditanggung oleh Penggadai kepada Bank sama ada masa kini atau masa hadapan, sebenar atau kontingen dan sama ada dengan sendiri, secara berasingan atau bersama sebagai penjamin utama, penjamin atau sebaliknya dan dalam apa jua nama dan bentuk dan sama ada terhadap sebarang akaun semasa atau akaun lain atau dalam apa cara lain pun juga dan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua

	wang yang kena dibayar terhadap Dokumen Transaksi;
Dokumen Cagaran	bermaksud dokumen cagaran memihak kepada Bank berhubung dengan Kemudahan yang dibentangkan dan dikehendaki di dalam Surat Tawaran;
Dokumen Transaksi	<p>bermaksud secara kolektif dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Surat Tawaran; (b) Perjanjian Kemudahan Murabahah; (c) dokumen yang membuktikan Transaksi Tawarruq (yang ditakrifkan di dalam Klausus 1.1. Perjanjian Kemudahan Murabahah); (d) Dokumen Cagaran; <p>dan sebarang dokumen lain yang ditetapkan sedemikian oleh Bank.</p>

1.2 Pentafsiran

- Dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini (kecuali konteks menghendaki sebaliknya):
- (a) kata-kata yang digunakan untuk orang semulajadi termasuk mana-mana badan, orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat atau sebaliknya, negeri, entiti pentadbiran dan/atau kerajaan dan sebaliknya;
 - (b) rujukan kepada jantina lelaki termasuk jantina wanita dan neutral dan begitu juga sebaliknya;
 - (c) rujukan kepada bilangan tunggal termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya;
 - (d) sebarang dan semua rujukan kepada peruntukan sebarang perundangan termasuk peruntukan yang dimodifikasi atau digubal semula;
 - (e) rujukan kepada Klausus dan Jadual kecuali dinyatakan sebaliknya hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Klausus dan Jadual dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
 - (f) tajuk sebarang Klausus dimasukkan hanya untuk kemudahan rujukan dan tidak boleh dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
 - (g) jika sebarang perjanjian, waad, terma-terma, syarat-syarat dan/atau akuanji dinyatakan sebagai dibuat oleh atau di pihak dua atau lebih daripada dua orang atau pihak, semua perjanjian, waad, terma-terma, syarat-syarat dan/atau akuanji tersebut hendaklah dianggap dibuat oleh dan mengikat terhadap orang atau pihak tersebut secara bersama dan berasingan;

- (h) jika dua atau lebih daripada dua orang atau pihak dimasukkan atau dirangkum dalam sebarang perjanjian, waad, terma-terma dan/atau akujanji, maka perjanjian, waad, terma-terma dan/atau akujanji tersebut hendaklah boleh dikuat kuasa oleh mereka secara bersama dan berasingan;
- (i) kata dan ungkapan yang ditakrifkan di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah hendaklah, kecuali ditakrifkan sebaliknya di dalam ini atau bercanggah dengan kandungan di dalam ini, membawa maksud yang sama apabila digunakan atau dirujuk dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini.
- (j) perkataan "di dalam ini", "selepas ini", "di sini", "di bawah ini" dan kata-kata lain yang membawa maksud yang sama hendaklah merujuk kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini secara keseluruhan dan bukan terhadap sebarang peruntukan khusus.
- (k) kata-kata "wang", "Ringgit Malaysia" dan simbol "RM" hendaklah ditafsirkan sebagai mata wang Malaysia; dan
- (l) Jadual di dalam ini membentuk sebahagian penting Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian penting daripadanya.

KINI JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI INI menyaksikan seperti berikut:

SEBAGAI BALASAN bagi Bank atas permintaan dan kehendak Penjamin, menyediakan atau terus memberikan atau terus menyediakan Kemudahan atau sebarang kemudahan pembiayaan atau perbankan lain selepas ini atau dari semasa ke semasa diberikan atau dipersetujui agar diberikan oleh Bank selama mana yang dianggap wajar oleh Bank kepada Pelanggan berdasarkan terma-terma dan/atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah, Penjamin dengan ini **SECARA BERSAMA DAN BERASINGAN DENGAN TIDAK BERSYARAT DAN DENGAN TIDAK BOLEH BATAL BERSETUJU BERAKUJANJI** dan **MENJAMIN** kepada Bank, sebagai obligasi berterusan, seperti berikut:

2 PEMBAYARAN APABILA DITUNTUT

2.1 Penjamin sebagai penghutang utama

Penjamin dengan ini secara tidak bersyarat dan dengan tidak boleh batal menjamin sebagai penghutang utama, secara bersama dan berasingan, dan bukan hanya sebagai penjamin, untuk membayar dan menjelaskan kepada Bank apabila dituntut:

- (a) Jumlah Dicagar dengan sepenuhnya;
- (b) fi, caj, gantirugi dan perbelanjaan yang dirujuk di atas di bawah Jumlah Dicagar yang merangkum:

- (i) komisyen, ta'widh (pampasan) dan/atau sebarang caj bank lain yang boleh dikenakan oleh Bank kepada Pelanggan dalam perjalanan biasa perniagaannya; dan
- (ii) semua kos, caj, perbelanjaan dan/atau fi guaman atas dasar tanggung rugi penuh yang mungkin ditanggung oleh Bank semasa menguatkuasakan atau cuba mendapatkan balik pembayaran semua atau mana-mana bahagian jumlah yang terhutang kepada Bank oleh Pelanggan terhadap Kemudahan dan untuk memulihkan sebarang keingkaran oleh Pelanggan atau penganti hakmilik Pelanggan untuk membayar Kemudahan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (iii) dan semua caj dan perbelanjaan lain untuk menyediakan, mematikan setem atau mewujudkan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan untuk menguatkuasakannya terhadap Penjamin;
- (c) keuntungan, komisyen dan ta'widh (pampasan) yang perlu dibayar yang dirujuk di atas hendaklah termasuk Margin Keuntungan, komisyen dan ta'widh (pampasan) pada kadar yang ditetapkan di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah; dan
- (d) semua wang yang diperolehi daripada atau liabiliti yang ditanggung oleh Bank meskipun pembiayaan atau pengenaan liabiliti tersebut mungkin tidak sah atau melampaui kuasa Pelanggan atau mana-mana pengarah, wakil, agen atau orang lain yang dikatakan memperolehi pembiayaan atau bertindak bagi pihak Pelanggan dan meskipun sebarang keluaraturan lain dalam pembiayaan atau pengenaan liabiliti sedemikian.

Meskipun jumlah yang ditetapkan di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah, liabiliti Penjamin tidak akan terbatas kepada jumlah prinsipal yang ditetapkan di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah tetapi hendaklah merangkum semua kemudahan tambahan dan/atau lanjut yang diberikan kepada Pelanggan.

2.2 Hak Bank untuk mengenakan caj pembayaran lewat

Hak Bank untuk mengenakan caj pembayaran lewat seperti yang diperuntukkan di dalam ini hendaklah wujud dan terus wujud meskipun pengeluaran dan/atau penyampaian tuntutan bagi pembayaran sebarang wang yang dirancang agar dijamin di sini dan hendaklah terpakai sebelum dan selepas penghakiman dan meskipun perhubungan jurubank dan pelanggan antara Bank dan Pelanggan dan/atau Penjamin mengikut keadaan telah terhenti atas sebarang sebab atau alasan pun juga.

2.3 Tuntutan bagi pembayaran wang

Bagi tujuan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sebarang tuntutan bagi pembayaran wang yang kena dibayar di bawahnya akan dianggap dibuat oleh Bank jika tuntutan dibuat selaras dengan Klausu 5.1, 5.2, 5.3 dan 6 di dalam ini.

3 WAAD PENJAMIN

Penjamin dengan ini selanjutnya bersetuju, berakuanji dan berwaad dengan Bank seperti berikut:

(a)

Liabiliti Utama

Bahawa untuk menguatkuasakan dengan sepenuhnya peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, Penjamin dengan ini menepikan semua hak yang tidak konsisten dengan peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan yang sebaliknya berhak dituntut dan dikuat kuasa oleh Penjamin sebagai penjamin. Penjamin mengisyiharkan bahawa Bank bebas bertindak seolah-olah Penjamin adalah penghutang utama bagi semua jumlah yang dijamin oleh Penjamin memihak kepada Bank seperti disebut sebelum ini;

(b)

Pembukaan Akaun Baru

Bahawa selepas wang yang dengan ini dijamin telah dituntut daripada Penjamin, Bank boleh pada bila-bila masa meneruskan sebarang akaun atau akaun-akaun sedia ada atau membuka sebarang akaun atau akaun-akaun baru dengan Pelanggan, dan sebarang wang yang selepas itu dibayar ke dalam akaun atau akaun-akaun tersebut tidak akan digunakan untuk menjelaskan sebarang wang yang dengan ini dijamin kecuali Bank memutuskan sedemikian menurut budi bicara tunggal Bank;

(c)

Perubahan

Bahawa Bank boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya tanpa melepaskan, memudaratkan atau menjelaskan Penjamin atau sebarang liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

- (i) tanpa Jaminan dan Tanggung Rugi ini dibatalkan, dilepaskan atau terjejas dalam apa cara jua;
- (ii) tanpa mendapatkan kebenaran mana-mana Penjamin; dan
- (iii) dengan menghantar notis tujuh (7) hari kalender kepada Penjamin atau mana-mana Penjamin,

mengubah, menambah atau meminda peruntukan Perjanjian Kemudahan Murabahah bagi pemberian pembiayaan atau penyediaan kemudahan perbankan kepada Pelanggan oleh Bank, dan/atau obligasi yang ditanggung oleh Pelanggan di bawahnya;

(d)

Kesabaran

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan liabiliti Penjamin atau mana-mana Penjamin di bawah ini tidak boleh dalam apa cara jua dilepaskan, dikurangkan atau terjejas oleh sebarang pelanjutan masa, kesabaran dan/atau sebarang kelonggaran yang diberikan kepada Pelanggan dan/atau sebarang kegagalan oleh Bank untuk menegaskan sebarang hak atau remedii terhadap Pelanggan dan/atau sebarang modifikasi atau implikasinya, atau sebarang kegagalan Pelanggan untuk mematuhi apa-apa keperluan sebarang undang-undang, peraturan atau perintah yang berkuat kuasa di Malaysia;

(e) **Hak Lain-Lain**

- (i) Bahawa liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan terus wujud sama ada Bank mempunyai hak undang-undang atau tidak untuk menuntut terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana penjamin dan/atau terhadap sebarang cagaran yang kini atau pada bila-bila masa selepas ini atau dari semasa ke semasa dipegang oleh Bank daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain bagi sebarang jumlah, kerugian dan/atau kerosakan, dan sama ada Bank telah melaksanakan remedii undang-undangnya terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana penjamin lain dan/atau terhadap sebarang cagaran seperti yang disebut sebelum ini atau tidak;
- (ii) Bahawa liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan terus wujud dan Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan dilepaskan, dikurangkan atau terjejas oleh sebarang kegagalan di pihak Bank untuk mengambil sebarang bentuk cagaran.

(f) **Pembayaran hendaklah dibuat dengan sepenuhnya**

Bahawa semua jumlah yang perlu dibayar oleh Penjamin atau mana-mana Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah dibayar dengan sepenuhnya tanpa tolakan tuntutan balas syarat atau pembatasan tidak kira sifatnya;

(g) **Bukti dalam Kebankrapan**

Bahawa semua persetujuan dan wang yang diterima oleh Bank daripada Pelanggan, orang atau estet yang boleh digunakan oleh Bank untuk mengurangkan Jumlah Dicagar oleh Pelanggan, hendaklah dianggap bagi semua tujuan sebagai pembayaran kasar dan Bank berhak membuktikan dalam Kebankrapan Pelanggan sekiranya Pelanggan menjadi bankrap terhadap keseluruhan Jumlah Dicagar Pelanggan kepada Bank, tanpa sebarang hak di pihak Penjamin untuk disubrogasi kepada Bank terhadap sebarang bukti tersebut, dan jumlah penuh yang dengan ini dijamin adalah perlu dibayar oleh Penjamin sehingga Bank telah menerima dalam Kebankrapan Pelanggan, daripada semua sumber, seratus (100) sen dalam Ringgit Malaysia bagi jumlah belum dijelaskan muktamad terhadap Pelanggan;

(h) **Pelepasan Penjamin-Penjamin**

Bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa, bersetuju untuk tidak mendakwa mana-mana Penjamin dan/atau membebaskan dan/atau melepaskan mana-mana Penjamin daripada liabilitinya/liabiliti mereka di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tanpa menjelaskan liabiliti Penjamin lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sama ada Penjamin lain yang disebut sebelum ini mempunyai notis tentang atau menyetujui sebarang persetujuan, pembebasan dan/atau pelepasan tersebut, dan sama ada Bank telah merizab remedinya terhadap Penjamin lain atau tidak;

- (i) **Jaminan Lain**
Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi di dalam ini dan hak Bank di bawah ini adalah di samping dan bukan menggantikan sebarang jaminan dan tanggung rugi lain, kolateral, lien dan/atau cagaran lain yang kini atau selepas ini dipegang oleh Bank, terhadap pembayaran wang dan liabiliti yang dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa terhutang dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank dan pelaksanaan dan kepatuhan wajar oleh Pelanggan terhadap terma-terma dan/atau syarat-syarat dalam Dokumen Transaksi, sama ada jaminan dan tanggung rugi, kolateral, lien dan/atau cagaran tersebut diberikan kepada Bank oleh Penjamin atau sebaliknya, dan sebarang perubahan, pertukaran, pelepasan, pembaharuan, modifikasi atau urusan lain dengan atau kesabaran daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan sebarang jaminan dan tanggung rugi lain, kolateral, lien dan/atau cagaran lain yang dipegang oleh Bank, tidak akan menjelaskan liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sama ada mana-mana Penjamin mempunyai notis tentang atau memberikan kebenarannya/kebenaran mereka atau tidak terhadap pembaharuan, perubahan, pertukaran, pelepasan, modifikasi atau urusan lain dengan atau kesabaran daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan jaminan dan tanggung rugi lain, kolateral, lien dan/atau cagaran lain;
- (j) **Kaedah Pembayaran Lain**
Bahawa Bank bebas tetapi tidak terikat untuk mengenakan sebarang cara pembayaran lain pada bila-bila masa dan menurut sebarang turutan yang dianggap wajar oleh Bank tanpa dengan itu mengurangkan liabiliti Penjamin, dan Bank boleh menguatkuasakan Jaminan dan Tanggung Rugi ini sama ada untuk pembayaran baki muktamad selepas menggunakan kaedah pembayaran lain, atau untuk baki yang kena dibayar pada bila-bila masa meskipun kaedah pembayaran lain tidak digunakan, dan walau apa pun tanpa memberikan hak kepada Penjamin atau mana-mana Penjamin untuk mendapat sebarang manfaat daripada kaedah pembayaran lain tersebut selagi wang masih kena dibayar daripada Pelanggan kepada Bank;
- (k) **Jaminan Berterusan**
Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan dianggap sebagai boleh dibatalkan atau dijelaskan oleh sebarang pembayaran perantaraan apa-apa wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan tetapi adalah satu Jaminan dan Tanggung Rugi berterusan dan hendaklah merangkum sebarang jumlah atau jumlah-jumlah wang yang hendaklah dari semasa ke semasa membentuk Jumlah Dicagar yang kena dibayar daripada Pelanggan kepada Bank sehingga masa apabila keseluruhan Jumlah Dicagar telah dibayar dengan sepenuhnya;
- (l) **Meninggal Dunia Tidak Siuman**
Bahawa kematian, ketaksiuman, ketidakupayaan atau penamatkan liabiliti di pihak mana-mana satu daripada Penjamin tidak akan memudarangkan atau menjelaskan liabiliti Penjamin lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tetapi hendaklah dari semua segi dan bagi semua tujuan menjadi mengikat dan beroperasi sehingga dilepaskan melalui pelaksanaannya;

(m) **Harta Pusaka Waris dll.**

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah mengikat sebagai cagaran berterusan terhadap Penjamin, harta pusaka, waris, wasi, pentadbir, wakil sah dan/atau pengganti hakmilik mereka masing-masing, menurut keadaan, dan Penjamin dan harta pusaka, waris, wasi, pentadbir, wakil diri sah dan/atau pengganti hakmilik mereka masing-masing, menurut keadaan, akan terus terikat oleh Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan hendaklah membayar kepada Bank apabila dituntut semua liabiliti dan obligasi belum dijelaskan yang kena dibayar daripada Pelanggan kepada Bank di bawah Dokumen Transaksi;

(n) **Penghutang Utama**

Bahawa semua jumlah wang yang tidak didapatkan kembali atau tidak boleh didapatkan kembali daripada Penjamin atas sebarang sebab pun jua di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini walau bagaimanapun boleh didapatkan kembali daripada Penjamin sebagai penghutang utama dan hendaklah dibayar oleh Penjamin apabila tuntutan dibuat oleh Bank atau bagi pihak Bank kepada Penjamin;

(o) **Kebankrapan Penjamin**

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan ditamatkan atau terjeas oleh Kebankrapan Penjamin, tetapi hendaklah mengikat dan beroperasi dari semua segi dan untuk semua tujuan sehingga dilepaskan melalui pelaksanaannya;

(p) **Bukti Konklusif**

Bahawa penyata bertulis daripada Bank tentang jumlah yang ter hutang dan kena dibayar oleh Pelanggan hendaklah diterima oleh Penjamin sebagai bukti konklusif bahawa jumlah yang kelihatan di dalamnya adalah kena dibayar daripada Pelanggan kepada Bank dan perlu dibayar oleh Penjamin kepada Bank apabila dituntut;

(q) **Kebankrapan dll. Pelanggan**

Bahawa sekiranya Pelanggan menjadi bankrap dan/atau membuat sebarang perkiraan dengan pembiutang Pelanggan, Penjamin tidak akan membuktikan hutang secara bersaing dengan Bank dalam sebarang perkiraan kebankrapan sedemikian terhadap wang yang kena dibayar daripada Pelanggan kepada Bank, tetapi hendaklah memberikan kepada Bank manfaat sebarang bukti yang berhak dibuat oleh Penjamin, kecuali dan sehingga Bank telah menerima jumlah penuh wang yang kena dibayar kepada Bank daripada Pelanggan;

(r) **Pembatalan Pembayaran**

Sebarang jaminan (termasuk sebarang jaminan yang dikeluarkan untuk menggantikan Jaminan ini), cagaran atau pembayaran yang boleh dibatalkan di bawah Akta Kebankrapan 1967 atau sebarang enakmen statutori berkaitan dengan kebankrapan, dan sebarang pelepasan atau penyelesaian yang boleh diberikan atau dibuat atas alasan pembatalan sebarang jaminan, cagaran atau pembayaran tersebut, tidak akan memudaratkan atau menjelaskan hak Bank untuk mendapatkan balik wang daripada Penjamin sehingga tahap penuh Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

- (s) **Pelarasan**
Bahawa jika Bank telah menerima baki muktamad dengan sepenuhnya, sebarang tuntutan oleh Penjamin terhadap sebarang lebihan atau sebarang cagaran yang masih dipegang oleh Bank hendaklah menjadi satu perkara pelarasan antara Bank, Penjamin dan mana-mana orang lain yang membuat tuntutan terhadapnya;
- (t) **Cagaran Balas**
Bahawa Penjamin tidak boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu daripada Bank, mengambil secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan liabiliti yang ditanggung selaras dengan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sebarang cagaran balas sama ada melibatkan gadaian terhadap harta Pelanggan atau sebaliknya di mana Penjamin akan, atau mungkin, jika Pelanggan menjadi insolven dan dengan memudaratkan Bank, menambah bukti dalam insolvensi tersebut atau mengurangkan harta yang boleh dibahagikan di kalangan pembiayaan Pelanggan, dan berhubung dengan sebarang cagaran balas yang diambil oleh Penjamin dengan kebenaran Bank seperti yang disebut sebelum ini, cagaran balas tersebut akan menjadi cagaran kepada Bank bagi pelaksanaan obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (u) **Lien dan Tolakan**
Bahawa Bank hendaklah, selagi sebarang wang masih terhutang di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, mempunyai lien terhadap semua wang yang kini atau selepas ini dalam jumlah kredit di pihak Penjamin dengan Bank, sama ada dalam akaun semasa atau akaun lain dan sama ada di Malaysia atau di tempat lain, dan Bank berhak mendebit dan/atau menolak jumlah Dicagar terhadap sebarang jumlah kredit dalam akaun tersebut, dan sekiranya jumlah kredit dalam akaun tersebut adalah dalam mata wang selain daripada mata wang Malaysia, kadar pertukaran hendaklah pada kadar pembelian semasa Bank bagi mata wang tersebut pada masa debit dan/atau tolakan tersebut;
- (v) **Budi Bicara untuk Memberikan Kemudahan Pembiayaan Lanjut**
Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan dalam apa cara jua dimudaratkan atau terjejas oleh budi bicara mutlak Bank untuk memberikan kemudahan perbankan lanjut dan/atau kemudahan pembiayaan lain kepada Pelanggan dengan notis yang mencukupi kepada Penjamin;
- (w) **Pembatalan dan Pengurangan**
Bahawa sebarang jumlah atau cagaran yang dibayar atau diberikan kepada Bank oleh atau bagi pihak Pelanggan dan/atau Penjamin, bukan merupakan penyelesaian atau pelepasan sah terhadap liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau mana-mana bahagian daripadanya, jika pembayaran jumlah sedemikian atau pemberian cagaran sedemikian boleh dibatalkan atau dikurangkan di bawah peruntukan sebarang undang-undang berkaitan dengan kebankrapan yang berkuat kuasa pada masa itu, dan Bank berhak menuntut terhadap Penjamin, dalam keadaan pembatalan dan/atau pengurangan sedemikian, untuk jumlah penuh atau nilai penuh jumlah atau cagaran yang disebut sebelum ini, dan/atau untuk mendapatkan balik daripada Penjamin sehingga tahap penuh Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(x) **Subordinasi Hutang**

Sebarang jumlah yang kini atau selepas ini terhutang dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Penjamin (selepas ini dirujuk sebagai "Hutang Pelanggan") adalah dengan ini disubordinat kepada Jumlah Dicagar kepada Bank, dan Hutang Pelanggan kepada Penjamin, jika dikehendaki oleh Bank, hendaklah dipungut, dikuatkuasakan dan diterima oleh Penjamin dalam amanah untuk Bank dan dibayar kepada Bank untuk Jumlah Dicagar kepada Bank, tetapi tanpa mengurangkan atau menjelaskan dalam apa jua cara liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(y) **Ketinggalan**

Apa-apa jua perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh Bank selaras dengan sebarang kuasa atau keizinan yang terkandung dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan menjelaskan atau melepaskan liabiliti Penjamin di bawah ini;

(z) **Penepian Keperluan untuk Ketekunan**

Bank boleh mempercepatkan kematangan sebarang obligasi Pelanggan di bawah Dokumen Transaksi dan/atau di bawah sebarang kredit atau kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan atau mana-mana orang lain, atau bertukar atau berurus dengan sebarang cagaran sampingan, atau mengubah terma-terma dan/atau syarat-syarat sebarang kredit atau kemudahan. Penjamin dengan ini secara nyata menepikan semua keperluan untuk ketekunan, 'presentment', tuntutan dan bantahan pun jua dan dengan nyata mengisyiharkan bahawa Bank boleh melakukan semua atau mana-mana perkara di atas tanpa dalam apa cara jua membataskan, menyekat atau melepaskan liabiliti Penjamin di bawah ini. Bank boleh menguatkuasakan dan melaksanakan semua remedи dan cara untuk mendapatkan balik Jumlah Dicagar pada sebarang masa dan menurut sebarang turutan dan cara yang dianggap wajar oleh Bank;

(i) **Pelepasan/Kompromi dengan Pelanggan**

Bahawa liabiliti Penjamin di bawah ini tidak akan dalam apa cara jua dilepaskan, dikurangkan atau terjejas oleh sebarang pelepasan atau kompromi dengan Pelanggan sama ada Penjamin mempunyai sebarang notis tentang pelepasan, kompromi atau persetujuan tersebut atau tidak dan sama ada Bank telah merizab haknya terhadap Pelanggan atau tidak.

(ii) **Perubahan pada Penjamin**

Liabiliti dan obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan ditamatkan atau dalam apa cara jua dimudaratkan tetapi akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan pun jua, meskipun sebarang perubahan yang mungkin dibuat terhadap Penjamin atau oleh kebankrapan Penjamin, secara sukarela atau sebaliknya, dan Penjamin dengan nyata bersetuju bahawa sebarang perubahan tidak kira apa jenisnya jua yang menjelaskan Penjamin tidak akan dalam apa cara jua menjelaskan cagaran, liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan di bawah ini berhubung dengan sebarang transaksi pun jua sama ada di masa lalu, kini atau masa hadapan.

4 Tanggung Rugi

Untuk balasan yang disebut sebelum ini, dan sebagai penetapan yang berasingan dan bebas, di samping dan tanpa menjaskan sebarang obligasi Penjamin kepada Bank yang diperuntukkan dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, Penjamin dengan ini selanjutnya menjamin, bersetuju, mengesahkan, berakuanji dan berwaad dengan Bank untuk menanggung rugi Bank dan terus menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tindakan, prosiding, tuntutan, kos, gantirugi dan/atau perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) yang mungkin dibelanjakan, ditanggung atau dialami oleh Bank disebabkan sebarang pelanggaran apa-apa terma, syarat-syarat, waad dan/atau penetapan yang terkandung di dalam Dokumen Transaksi oleh Pelanggan.

5 Notis Tuntutan

5.1 Penyampaian Tuntutan

Sebarang tuntutan bagi pembayaran atau sebarang tuntutan atau notis lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, hendaklah dianggap disampaikan dengan cukup kepada Penjamin oleh Bank dan/atau mana-mana orang yang bertindak sebagai peguamcara Bank, jika tuntutan untuk pembayaran atau sebarang tuntutan atau notis lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, ditinggalkan di alamat biasa atau alamat terakhir Penjamin yang diketahui selaras dengan rekod yang disimpan oleh Bank, atau di alamat yang dinyatakan dalam Perkara 2 di dalam Jadual, atau dihantar melalui pos biasa ke mana-mana alamat tersebut. Bukti pengeposan atau penghantaran tuntutan untuk pembayaran atau sebarang tuntutan atau notis lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini kepada Penjamin akan dianggap bukti penerimaan oleh Penjamin:

- (a) jika dihantar secara kendiri, pada masa penghantaran;
- (b) bagi surat, pada hari kedua (ke-2) selepas pengeposan;
- (c) bagi teleks atau kawat, pada hari selepas tarikh penghantaran;
- (d) bagi faks, sebaik sahaja selepas penghantaran, dengan syarat penghantar telah menerima pengesahan jawab balik.

Sebarang perubahan pada alamat penyampaian Penjamin yang walau bagaimanapun jua berbangkit tidak akan berkesan atau mengikat ke atas Bank kecuali notis bertulis sebenar tentang perubahan tersebut telah diterima oleh Bank.

5.2 Pelanggan menerima tuntutan untuk pembayaran

Secara alternatif Pelanggan hendaklah menerima tuntutan bagi pembayaran atau sebarang tuntutan atau notis lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini daripada Bank, bagi pihak Penjamin, dan Klaus 5.1 di atas akan terpakai kepada Pelanggan dalam cara yang serupa, kecuali bahawa perkataan "**Pelanggan**" akan digantikan dengan perkataan "**Penjamin**", dan bahawa alamat penyampaian Pelanggan adalah seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah.

5.3 Tuntutan untuk pembayaran

Penjamin bersetuju bahawa apabila sebarang tuntutan untuk pembayaran dibuat selaras dengan Klausus 5.1 atau 5.2 di dalam ini, Penjamin hendaklah membayar jumlah yang dituntut dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh notis tuntutan, dan selanjutnya bersetuju bahawa sekiranya Penjamin gagal membuat pembayaran dalam tempoh tersebut, Bank berhak menguatkauasakan semua hak dan remedii undang-undangnya dan boleh mengambil semua tindakan yang dianggapnya wajar untuk mendapatkan balik jumlah belum dijelaskan yang kena dibayar kepada Bank.

6 Agen untuk Penyampaian

Penjamin dengan ini secara tidak boleh batal melantik Pelanggan sebagai agen Penjamin bagi penyampaian sebarang tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain, dan memberi kuasa kepada Pelanggan untuk menerima penyampaian tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain tersebut bagi pihak Penjamin. Penjamin akan dianggap mempunyai notis tentang tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain tersebut apabila diakui penerimaannya oleh Pelanggan. Kegagalan Pelanggan untuk memberikan notis kepada mana-mana Penjamin tentang tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain tersebut tidak akan menjaskan atau memudaratkan kesahan mana-mana prosiding dan/atau penghakiman atau perintah berdasarkannya, walau bagaimanapun dengan syarat bahawa tiada apa pun yang terkandung di dalam Klausus 6 ini akan dianggap membataskan hak Bank untuk melaksanakan penyampaian tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain tersebut dalam apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

7 Representasi dan Jaminan

Penjamin dengan ini membuat representasi menjamin dan berakuanji kepada Bank bahawa:

- (a) Penjamin mempunyai kuasa dan hak undang-undang sepenuhnya untuk memasuki Jaminan dan Tanggung Rugi ini, untuk menyertai transaksi yang dirancang oleh Jaminan dan Tanggung Rugi ini, untuk menjamin Jumlah Dicagar, untuk menanggung semua liabiliti dan obligasi lain terhadap mana peruntukan telah dibuat dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan untuk melaksanakan terma-terma dan/atau syarat-syarat Jaminan dan Tanggung Rugi ini.
- (b) Obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini merupakan obligasi Penjamin yang sah dan mengikat dan boleh dikuat kuasa terhadap Penjamin selaras dengan terma-terma dan/atau syarat-syaratnya.
- (c) Obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini adalah obligasi langsung, tidak bersyarat, tidak boleh batal dan am di pihak Penjamin dan akan ditarafkan secara *pari passu* dengan semua liabiliti tidak bercagar langsung atau kontingen lain di pihak Penjamin.

- (d) Baik penyempurnaan atau penyerahan Jaminan dan Tanggung Rugi ini mahupun pelaksanaan atau kepatuhan oleh Penjamin terhadap sebarang obligasinya atau pelaksanaan oleh Penjamin terhadap sebarang haknya di bawah ini tidak akan:
- (i) melanggar, bercanggah dengan atau menyebabkan sebarang kemungkiran apa-apa terma, syarat-syarat, waad, akujanji atau peruntukan lain dalam, atau merupakan keingkaran, kejadian ingkar atau kejadian yang, apabila notis diberikan dan/atau tempoh menjadi luput dan/atau sebarang syarat-syarat dipenuhi, merupakan keingkaran atau pelanggaran, atau bercanggah dengan, sebarang undang-undang atau peraturan, perintah, francais, konsesi, lesen, permit atau kuasa atau sebarang perjanjian, akujanji, indentur, gadai janji, suratikatan atau suratcara lain, atau sebarang perkiraan, obligasi atau kewajipan yang terpakai kepada, atau yang mengikat ke atas atau menjelaskan Penjamin atau sebarang aset atau hasilnya;
 - (ii) menyebabkan sebarang pembatasan pada pembiayaan atau sebarang kuasa lain di pihak Penjamin (sama ada dikenakan oleh undang-undang atau peraturan, perintah, perjanjian, suratcara atau sebaliknya) atau sebarang pembatasan lain yang menjelaskan Penjamin, dilampaui; atau
 - (iii) menyebabkan, atau mengenakan obligasi ke atas Penjamin untuk mewujudkan, sebarang gadaian ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian aset atau hasil Penjamin, pada masa kini atau di masa hadapan;
- (e) Penjamin tidak melanggar atau memungkiri atau ingkar di bawah sebarang undang-undang atau peraturan, perintah, francais, konsesi, lesen, permit, kuasa, perjanjian, akujanji, suratcara, obligasi atau kewajipan yang terpakai kepada, atau yang mengikat ke atas atau menjelaskan mereka atau sebarang aset atau hasil mereka, yang mana akibat daripada pelanggaran, kemungkiran atau keingkaran tersebut boleh menjelaskan dengan material dan memudarangkan aset, liabiliti atau keadaan (kewangan atau sebaliknya) Penjamin atau keupayaan mereka untuk melaksanakan obligasi mereka di bawah ini; tiada kejadian ingkar atau potensi kejadian ingkar telah berlaku yang, apabila notis diberikan dan/atau luputnya masa dan/atau sebarang syarat lain dipenuhi, merupakan keingkaran di bawah sebarang perjanjian, akujanji atau suratcara lain; dan tiada kejadian atau ketinggalan telah berlaku yang memberikan hak, atau yang apabila notis diberikan dan/atau luputnya masa dan/atau sebarang syarat lain dipenuhi, boleh memberikan hak kepada mana-mana pemiutang Penjamin untuk mengisyiharkan mana-mana hutang Penjamin kepada pemiutang kena dan perlu dibayar sebelum kematangannya yang ditetapkan, dan/atau untuk membatalkan atau menamatkan sebarang kemudahan kredit, atau enggan membuat pendahuluan di bawahnya;
- (f) Tiada Penjamin adalah bankrap, dan/atau telah melakukan sebarang tindakan kebankrapan, tidak dapat membayar hutang mereka, dan/atau telah memasuki sebarang perkiraan dengan pemiutang mereka;

- (g) Tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran di hadapan atau di mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa pentadbiran sedang berlangsung atau, sepanjang pengetahuan Penjamin, diancam terhadap Penjamin atau mana-mana aset atau hasil mereka yang mungkin menjelaskan dengan material dan memudaratkan aset, liabiliti atau keadaan (kewangan atau sebaliknya) Penjamin atau keupayaan mereka untuk melaksanakan obligasi mereka di bawah ini.
- (h) Tiada perubahan buruk yang material telah berlaku pada perniagaan atau aset Penjamin sejak penyempurnaan Perjanjian Kemudahan Murabahah;
- (i) Penjamin telah mendedahkan sepenuhnya secara bertulis kepada Bank semua fakta berkaitan dengan Pelanggan dan Penjamin dan yang diketahui atau sepatutnya diketahui oleh Penjamin dan yang material untuk didedahkan kepada Bank dalam konteks kemudahan Perbankan dan kredit dan Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (j) Representasi dan jaminan yang disebut sebelum ini hendaklah, kecuali Penjamin memaklumkan Bank sebaliknya secara bertulis, dianggap tepat dan dipatuhi dari semua segi material selagi Jaminan dan Tanggung Rugi ini masih berkuat kuasa;
- (k) Setiap representasi dan jaminan yang dibentangkan di dalam ini akan dianggap diulang pada masa setiap pembayaran Perjanjian Kemudahan Murabahah seolah-olah dibuat pada dan sewaktu masa tersebut.

8 Pelepasan hanya dengan Pelaksanaan

Obligasi Penjamin tidak akan dilepaskan kecuali dengan pelaksanaan dan pada masa itu hanya setakat pelaksanaan tersebut. Obligasi tersebut tidak akan tertakluk kepada Bank memberikan sebarang notis atau tuntutan terdahulu kepada Penjamin berhubung dengan sebarang keingkaran Pelanggan, dan tidak akan terjejas oleh sebarang pelanjutan masa, kesabaran atau kelonggaran yang diberikan kepada Pelanggan oleh Bank, atau tindakan Bank menegaskan atau kegagalan Bank untuk menegaskan sebarang hak atau remedи terhadap Pelanggan, atau sebarang kegagalan Pelanggan untuk mematuhi sebarang keperluan apa-apa undang-undang, peraturan atau perintah di Malaysia atau oleh sebarang sub-bahagian politik atau agensinya.

9 Penepian, Hak Kumulatif

Sebarang kegagalan atau kelewatan di pihak Bank untuk melaksanakan atau sebarang ketinggalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, kelebihan atau remedи di pihak Bank apabila berlaku keingkaran oleh Penjamin tidak akan menjelaskan sebarang hak, kuasa, kelebihan atau remedи tersebut atau ditafsirkan sebagai penepiannya atau keakuran terhadap keingkaran tersebut, dan sebarang tindakan oleh Bank terhadap sebarang keingkaran atau keakuran terhadap keingkaran tersebut tidak akan menjelaskan atau memudaratkan sebarang hak, kuasa kelebihan atau remedи Bank terhadap sebarang keingkaran lain atau sebarang keingkaran selepas itu. Hak dan remedи yang diperuntukkan di dalam ini adalah kumulatif dan tidak mengecualikan sebarang hak atau remedи yang diperuntukkan oleh undang-undang. Sekiranya sebarang perkara jatuh ke dalam skop lebih daripada satu peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, tiada apa juar akan

menghalang Bank daripada menguatkuasakan keperluan yang lebih (atau paling) ketat terhadap Penjamin.

10 Pembayaran tanpa Potongan untuk Cukai

Semua pembayaran yang dibuat oleh Penjamin kepada Bank di bawah ini hendaklah bebas daripada, dan tanpa sebarang potongan untuk, sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, fi, potongan atau penangguhan tidak kira sifatnya yang kini atau selepas ini dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang kompeten atau pihak berkuasa lain, kecuali Penjamin hendaklah di sisi undang-undang memotong cukai, levi, impos, duti, caj atau fi tersebut atau untuk membuat sebarang potongan atau penangguhan tersebut. Jika Penjamin terpaksa membuat potongan atau penangguhan, Penjamin hendaklah membuat potongan atau penangguhan paling minimum yang dibenarkan, dan hendaklah menjelaskan dengan segera kepada pihak berkuasa tentang jumlah yang dipotong atau ditangguhkan (termasuk jumlah sebarang potongan atau penangguhan daripada sebarang jumlah tambahan yang dibayar selaras dengan Klausu ini), hendaklah mengemukakan bukti yang memuaskan Bank tentang penjelasan tersebut dan hendaklah membayar sebarang jumlah tambahan yang perlu agar jumlah bersih yang diterima oleh Bank selepas potongan atau penangguhan tersebut adalah bersamaan dengan jumlah yang akan diterima oleh Bank sekiranya potongan atau penangguhan tersebut tidak perlu dibuat.

11 Ketidakupayaan Penjamin atau Pelanggan

Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah mengikat dan boleh dikuat kuasa terhadap setiap Penjamin yang telah menurunkan tandatangan di bawah ini meskipun:

- (a) Jaminan dan Tanggung Rugi ini belum ditandatangani atau diberikan oleh mana-mana seorang atau lebih daripada seorang Penjamin yang dinamakan dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan/atau mana-mana Penjamin yang dirancang;
- (b) ketidakupayaan atau kebankrapan mana-mana seorang atau lebih daripada seorang Penjamin atau Penjamin yang dirancang, dan/atau Pelanggan;
- (c) bahawa tindakan berhutang dan/atau menanggung Jumlah Dicagar mungkin tidak sah atau melampaui kuasa Pelanggan atau mana-mana pengarah, wakil, agen atau mana-mana orang lain yang dikatakan meminjam atau bertindak bagi pihak Pelanggan, dan meskipun sebarang keluaraturan lain dalam tindakan berhutang dan/atau menanggung Jumlah Dicagar; dan/atau
- (d) wujudnya sebarang kecacatan, ketidakformalan dan/atau ketidakcukupan sebarang kuasa, sewaktu menyempurnakan Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan/atau Perjanjian Kemudahan Murabahah.

12 Kepenyalahan Undang-undang

Jika, menurut pendapat Bank (yang mana pendapat ini adalah muktamad dan konklusif), Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau mana-mana bahagian daripadanya adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang, cacat dan/atau tidak boleh dikuat kuasa dalam apa cara jua, (termasuk disebabkan pentafsiran atau penerapan Shariah dan/atau konsep Shariah yang relevan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain yang dipertanggungjawabkan dengan pentadbirannya, termasuk, jika berkenaan, Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Shariah Bank), Penjamin hendaklah menyempurnakan sebarang jaminan dan tanggung rugi lanjut yang hendaklah menurut bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank, dan kos jaminan dan tanggung rugi lanjut tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada fi undang-undang berkaitan dengannya, hendaklah ditanggung oleh Penjamin.

13. Hak Bank untuk Menyerah Hak atau Memindahkan

Bank bebas dengan atau tanpa kebenaran Penjamin untuk menyerah hak dan/atau memindahkan sebarang dan/atau semua hak, manfaat dan/atau kepentingan Bank di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini kepada mana-mana pihak yang dianggap wajar oleh Bank, dan semua kos dan perbelanjaan sampingan padanya hendaklah dibayar oleh Penjamin.

14 Kos dan Perbelanjaan

Semua kos dan perbelanjaan bagi dan sampingan pada Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan pungutan sebarang wang yang kena dibayar atau menjadi kena dibayar di bawah ini, termasuk kos undang-undang Bank atas dasar tanggung rugi penuh, hendaklah ditanggung oleh Penjamin.

15 Nasihat Undang-undang Bebas

Penjamin mengisyiharkan dan mengesahkan bahawa mereka dengan ini dinasihatkan agar mendapatkan nasihat undang-undang bebas tentang kesan dan/atau akibat tindakan Penjamin menandatangani Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan Penjamin bersetuju bahawa peruntukan yang terkandung di dalam ini akan mengikat Penjamin tidak kira sama ada Penjamin telah mendapatkan sebarang nasihat undang-undang.

16 Penepian semua Hak sebagai Penjamin

Demi menguatkuaskan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, Penjamin dengan ini menepikan semua hak dan kelebihan yang sebaliknya boleh dituntut oleh Penjamin sebagai penjamin, dan menepikan semua hak yang tidak konsisten dengan peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

17 Kebolehasingan

Jika pada bila-bila masa sebarang peruntukan di dalam ini adalah atau menjadi menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasa dalam apa jua segi, peruntukan selainnya di dalam ini tidak akan dimudaratkan atau terjejas dalam apa cara jua dan akan terus boleh dikuat kuasa.

18 Masa

Masa di mana jua disebut akan menjadi asas Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

19 Penggabungan Terma-Terma Perjanjian Kemudahan Murabahah

Semua terma-terma dan/atau syarat-syarat di dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah hendaklah dianggap digabungkan ke dalam dan membentuk sebahagian daripada Jaminan dan Tanggung Rugi ini, tertakluk kepada sebarang pindaan atau perubahan di mana perlu untuk menjadikan peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini konsisten dengan peruntukan Perjanjian Kemudahan Murabahah, dan sekiranya wujud sebarang konflik atau percanggahan antara peruntukan Perjanjian Kemudahan Murabahah dan sebarang peruntukan dokumen ini, peruntukan Perjanjian Kemudahan Murabahah akan mengatasinya yang lain.

20 Undang-undang dan Bidang Kuasa

Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan dalam semua segi menurut Undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di sini berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam semua perkara berhubung dengan atau berbangkit di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

21 Pengganti Terikat

Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah mengikat waris, wakil diri dan/atau pengganti hakmilik Penjamin, dan pengganti hakmilik dan penerima serah hak Bank.

22 Pengisyiharan oleh Penjamin

Penjamin mengisyiharkan bahawa mereka telah membaca dan memahami Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan menyedari sepenuhnya tentang liabiliti mereka di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini sebelum menyempurnakannya.

[BAHAGIAN SETERUSNYA DI DALAM MUKA SURAT INI
SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Penyempurnaan

PADA MENYAKSIKAN PERKARA DI ATAS Wakil Pihak Bank dan Penjamin dan/atau Penjamin-Penjamin telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas

Ditandatangani oleh

(No. K/P •)
di hadapan:

Ditandatangani oleh

(No. K/P •)
di hadapan:

.....
Saksi

Nama:

No. K/P:

.....
Saksi

Nama:

No. K/P:

Ditandatangani oleh

Sebagai Wakil untuk dan bagi pihak
CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
(No. Syarikat 671380-H) di hadapan:



.....
Saksi

Nama:

No. K/P:

.....
Penandatangan

Nama:

Jawatan:

No. K/P:

JADUAL
 (yang hendaklah dianggap dan ditafsirkan sebagai sebahagian penting
 Jaminan dan Tanggung Rugi ini)

Perkara	Deskripsi	Butir-butir
1.	Tarikh Jaminan dan Tanggung Rugi ini	
2.	Nama, deskripsi dan alamat Penjamin	
3.	Alamat Cawangan Bank	
4.	Deskripsi Kemudahan dan jumlah maksimum yang diberikan	
5.	Nama, deskripsi dan alamat Pelanggan	
6.	Tarikh Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Tarikh Surat Tawaran	